MANFAAT KOPERASI TERHADAP KESEJAHTERAAN NELAYAN DI TERENGGANU

(The role of cooperatives in enhancing the well-being of fishermen in Terengganu)

[1]Ammar Yasmin Amran,[2]Norfatiha Othman*, [3]Abdul Rahman Abd Latip,
[4]Nor Hayati Sa'at, [5]Siti Salina Abdullah, [6]Mohd Khairi Ismail,
[7]Nor Hanim Awang@Mohd Noor, [8]Muhamad Nazir Shah Mohd

[1,2,3,4,5,8]Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial,
Universiti Malaysia Terengganu, 21300, Kuala Terengganu, Terengganu.
[3]Institut Oseonografi dan Sekitaran Marin,
Universiti Malaysia Terengganu, 21300, Kuala Terengganu, Terengganu.
[6]Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara Cawangan Terengganu
Kampus Dungun, Sura Hujung 23000, Dungun, Terengganu
[7]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak,
94300, Kota Samarahan, Sarawak.

*Corresponding author email: norfatiha.othman@umt.edu.my
Received 12 August 2024; Revised 3 October 2024; Accepted 22 October 2024

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti manfaat penglibatan nelayan dalam koperasi serta meneliti keupayaan tadbir urus koperasi nelayan di Terengganu. Kajian ini dijalankan di Kuala Nerus melibatkan dua buah koperasi sebagai kajian kes iaitu Koperasi Nelayan Seberang Takir Berhad dan Koperasi Nelayan Mengabang Telipot Berhad. Seramai 15 orang nelayan yang menyertai koperasi telah ditemu bual menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kes dan pemerhatian langsung. Hasil kajian mendapati bahawa penglibatan aktif dalam koperasi memberi pelbagai manfaat kepada anggota dan keluarga mereka, termasuk bantuan kewangan, pinjaman dan dividen. Selain itu, tadbir urus koperasi turut mendapat kepercayaan kerana dilaksanakan secara telus melalui pemilihan lembaga koperasi dalam mesyuarat agung tahunan. Penglibatan nelayan dalam koperasi dilihat mampu memberi manfaat jangka panjang, termasuk selepas mereka berhenti menjadi nelayan. Oleh itu, pemerkasaan koperasi komuniti nelayan amat penting sebagai satu bentuk jaminan sosial, melengkapi peranan Persatuan Nelayan yang biasanya disertai semasa mereka masih aktif bekerja.

Kata Kunci: Koperasi nelayan, penglibatan komuniti, tadbir urus, manfaat sosial dan ekonomi, pembangunan mampan

ABSTRACT

This study aims to identify the benefits gained from fishermen's involvement in cooperatives and to examine the governance capacity of fishermen's cooperatives in Terengganu. The research was conducted in Kuala Nerus, focusing on two case study cooperatives: Koperasi Nelayan Seberang Takir Berhad and Koperasi Nelayan Mengabang Telipot Berhad. A total of 15 fishermen who are cooperative members were interviewed using a qualitative approach through case study design and direct observation. The findings reveal that active participation in cooperatives provides various benefits not only to the members but also to their families, such as financial aid, loans, and dividends. Furthermore, the governance of these cooperatives is trusted and transparent, as board members are elected through annual general meetings. The involvement of fishermen in cooperatives is seen to offer long-term benefits, even after they retire from fishing. Therefore, empowering community-based fishermen's cooperatives is essential as a form of social security, complementing the role of Fishermen's Associations which are usually joined during their active years.

Keywords: *Fishermen's cooperatives, community involvement, governance, social and economic benefits, sustainable development*

LATAR BELAKANG KAJIAN

Koperasi merupakan sebuah agensi yang berbeza dengan persatuan atau syarikat yang ada seperti di sektor yang lain misalnya seperti sektor perikanan, penternakan, usahawan muda dan sebagainya (Aslinda, 2023). Selain mendapat pulangan dalam bentuk dividen, anggota koperasi ini juga akan menikmati potongan harga yang lebih murah daripada pasaran. Tambahan lagi, mereka akan menerima bantuan kemudahan khas (SME Corp, 2022) seperti pinjaman kewangan, barangan seperti bot untuk nelayan dan sebagainya bergantung kepada koperasi yang dianggotai di kawasan tersebut. Ini menunjukkan bahawa penubuhan koperasi dan syarikat ini mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang berbeza kerana koperasi memfokuskan kepada memenuhi keperluan anggotanya tetapi syarikat lebih kepada menerima keuntungan bagi sesuatu jualan atau perkhidmatan. Seiring dengan itu, inisiatif yang dilaksanakan oleh SKM bagi membantu anggotanya dapat mengukuh dan memantapkan lagi

pusat pengedaran koperasi sedia ada yang berpotensi untuk lebih baik. Pusat pengedaran koperasi beroperasi bagi memastikan setiap barangan dan keperluan anggota koperasi tersebut mencukupi (Koperasi Perumahan Lepasan Institusi Pengajian Tinggi Berhad, 2023).

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) ialah satu entiti yang telah ditubuhkan pada 1 Januari 2008. Sebelum itu ia dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia (JPK) (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2020). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) koperasi bermaksud syarikat yang dianggotai dan diuruskan oleh sekumpulan orang untuk menjalankan kegiatan ekonomi dengan faedah dan keuntungan yang diberikan secara sama rata. Koperasi akan membantu dalam memastikan sekumpulan orang yang menjalankan kegiatan ekonomi ini mendapat keistimewaan dan diberi bantuan yang sepatutnya. SKM ini mempunyai objektif dalam menggalakkan sektor koperasi ke arah yang kukuh kewangannya, progresif dan mampan untuk mengekalkan keyakinan dalam gerakan koperasi tersebut. Penubuhan SKM ini memberi pelbagai faedah yang besar kepada para peniaga ataupun anggota dalam koperasi tersebut. Dalam erti kata lain, koperasi ini merupakan satu medium yang digunakan untuk menjalankan aktiviti perniagaan yang bertujuan untuk membantu dan meringankan beban anggotanya.

Dengan adanya pusat pengedaran ini akan membantu dalam kelangsungan perniagaan anggota koperasinya. Antara aspek yang diuruskan oleh pusat pengedaran ialah pengurusan sumber manusia, pengurusan operasi, pengurusan logistik, kewangan dan banyak kewangan dan banyak lagi (Hashim & Zaib, 2020) . Ini membuktikan bahawa SKM sangat menjaga kebajikan anggota koperasinya. Berdasarkan statistik Perangkaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebanyak 14,834 buah koperasi yang telah ditubuhkan di seluruh Malaysia pada tahun 2021. Ini menunjukkan bahawa penglibatan penduduk dalam koperasi sudah meluas dan mempunyai lebih tujuh juta orang anggota dalam pertubuhan ini. Terdapat banyak kumpulan sasaran yang menjadi tumpuan kepada koperasi dalam memastikan kemajuan ekonomi, sekali gus meningkatkan pembangunan sesebuah koperasi itu sendiri. Antara kumpulan yang dimaksudkan itu ialah nelayan. Berdasarkan statistik bilangan koperasi yang ditubuhkan bagi sektor perikanan adalah sebanyak 68 buah dan melibatkan sebanyak 8,272 orang anggota pada tahun 2021 (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2022). Melihat kepada jumlah nelayan yang sudah mencecah lebih 20,000 ribu orang di seluruh negara, menunjukkan bahawa penubuhan koperasi ini adalah relevan bagi komuniti nelayan dalam meningkatkan ekonomi dan sosial dan mendapatkan bantuan dan perkhidmatan lain.

PENYATAAN MASALAH

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mempunyai strategi untuk membantu anggotanya dalam memastikan peningkatan ekonomi dan taraf hidup anggotanya. Berdasarkan statistik SKM terdapat 291 bilangan koperasi di negeri Terengganu yang tidak aktif daripada 970 buah koperasi. Rentetan itu, menurut Noor (2023) koperasi ini tidak aktif disebabkan oleh anggota koperasinya yang tidak bekerjasama untuk membantu pihak pengurusan dalam menjalankan aktiviti koperasi. Anggota koperasi tidak memberi cadangan atau penambahbaikan dalam pelbagai aspek untuk meningkatkan kualiti pengurusan malah hanya mengadakan perjumpaan sekali setahun untuk membincangkan laporan tahunan.

Selain itu, menurut Bernama (2023), masalah penyelewengan yang datang daripada pihak pengurusan atasan menyebabkan kurangnya keterlibatan anggota dalam koperasi yang ditubuhkan di kawasan mereka. Isu penyelewengan seperti duit insentif kerajaan untuk projek sering berlaku misalnya projek pertanian yang berlaku di Kedah dan program pembangunan jati diri di Perlis juga telah menimbulkan masalah kepada SKM dan juga anggota koperasi tersebut (Berita Harian, 2019).

Sesebuah organisasi akan berkembang dan membangun sekiranya mengamalkan tadbir urus cekap baik dan cekap. Namun menurut Shafawaty, Ram dan Azizi (2017), prestasi tadbir urus koperasi di Malaysia masih pada tahap yang tidak memuaskan. Ekoran dari berlakunya salah laku, penyalahgunaan kuasa, rasuah dan penyelewengan dalam kalangan pihak pengurusan dan anggota lembaga koperasi. Bagi Suandi (2020) koperasi akan berhadapan dengan masalah kegagalan perniagaan dan masalah tadbir urus yang kritikal sekiranya, kepimpinan tidak mengamalkan sikap akauntabiliti dalam pengurusan koperasi. Akauntabiliti iaitu sikap bertanggungjawab terhadap perkara atau tugas yang diamanahkan merupakan sikap penting bagi memastikan perancangan aktiviti koperasi mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan (Talib, 2020). Ini bertujuan agar hasil yang disasarkan dapat dicapai dan memastikan tenaga kerja, wang dan sumber yang dilaburkan tidak berlaku pembaziran. Masalah sebegini menimbulkan keraguan kepada sebilangan nelayan untuk menyertai koperasi.

Pembudayaan koperasi dalam masyarakat masih berada di tahap yang rendah. Kesedaran nelayan mengenai manfaat koperasi yang dapat membantu mereka dari pelbagai aspek masih sedikit. Tidak semua anggota koperasi memanfaatkan kepentingan koperasi kepada individu dan keluarga. Menurut Antonius Prisma dan Vicka (2023), penyertaan anggota koperasi masih dianggap tidak mencukupi kerana penurunan jumlah simpanan anggota dan hutang lapuk anggota tidak berbayar sehingga kini. Seharusnya, kewujudan koperasi dapat memotivasikan, memberi perkhidmatan yang berkualiti dan manfaat yang sepatutnya bagi mengembangkan ekonomi komuniti nelayan.

Dividen dan elaun merupakan manfaat utama yang diberikan oleh SKM kepada anggota koperasi yang berdaftar di bawah mereka. Dengan manfaat koperasi ia dapat membantu untuk memastikan anggota koperasi dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Berdasarkan Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi 2021 menunjukkan bahawa setiap domain yang telah ditetapkan menunjukkan peningkatan dari tahun 2018 hingga 2021. Ini menunjukkan bahawa Dasar Koperasi Negara 2011-2020 menunjukkan keberkesanan dasar tersebut kerana memberi pelbagai manfaat kepada anggotanya.

Oleh itu secara tidak langsung, ia akan membantu untuk meningkatkan kesejahteraan anggota koperasi termasuklah nelayan yang menyertai koperasi di kawasan mereka. Prestasi koperasi akan dapat dikenal pasti dengan lebih mudah kerana setiap perubahan atau penambahbaikan dilakukan mengikut konteks semasa dan dapat dilihat dalam proses audit dan juga laporan tahunan yang dikeluarkan oleh SKM itu sendiri untuk memastikan pengurusan yang lebih efektif. Sekali gus, ia menjadi bukti kepada semua anggota terhadap manfaat koperasi dan menggalakkan peluang pekerjaan bagi golongan belia yang mana sebanyak 6.8% anggota koperasi merupakan golongan belia yang berumur 18-30 tahun. Bertitik tolak daripada manfaat tersebut, satu kajian telah dijalankan di Kuala Terengganu bagi mengenal pasti manfaat yang diterima komuniti nelayan menyertai koperasi nelayan di negeri ini.

Penyertaan nelayan dalam koperasi pada tahun 2021 ini menunjukkan jumlah yang kecil iaitu hanya 41.36 peratus nelayan yang menyertai koperasi. Kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia khususnya negeri Terengganu pula mempunyai bilangan nelayan yang ramai iaitu 8,985 orang nelayan memandangkan berada di pesisiran pantai Laut China Selatan (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2022). Statistik menunjukkan sebanyak 920 buah koperasi daripada pelbagai perkhidmatan telah dibuka, namun 30 peratus dari koperasi tersebut

memiliki status tidak aktif (Noor, 2023). Oleh itu, kajian ini telah mengenal pasti manfaat yang diperoleh komuniti nelayan dari koperasi nelayan di Kuala Nerus, Terengganu khususnya Koperasi Nelayan Mengabang Telipot Berhad dan Koperasi Nelayan Seberang Takir Berhad.

SOROTAN KAJIAN

MANFAAT PENGLIBATAN DALAM KOPERASI NELAYAN

Béné (2003), menggambarkan nelayan sebagai individu yang bekerja dan mata pencarian utamanya diperoleh daripada penangkapan ikan dan sumber akuatik lain. Penangkapan ikan sebagai satu profesion dan kepentingannya kepada pemeliharaan komuniti dan amalan budaya untuk kesejahteraan sosial dan ekonomi. Nelayan sering dikaitkan dengan isu kemiskinan disebabkan oleh pendapatan yang tidak stabil dan terdedah kepada risiko cuaca. Tambah Allison dan Ellis (2001), nelayan juga bergelut dengan pendapatan yang rendah dan tidak teratur, kekurangan simpanan dan peluang pekerjaan alternatif yang terhad. Kerajaan dalam usaha memperkukuhkan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan komuniti nelayan melalui penglibatan dalam koperasi. Usaha ini telah digembleng menerusi Dasar Keusahawanan Negara bagi meningkatkan ekonomi golongan tertentu termasuklah komuniti nelayan.

Koperasi ini berperanan bukan sahaja untuk sektor ekonomi yang besar tetapi juga untuk sektor ekonomi yang kecil seperti nelayan. Koperasi membantu dalam memastikan setiap perkara yang diberikan kepada anggota memberi manfaat kepada perniagaan mereka. Contohnya, koperasi yang menyediakan pembekalan pada masa, kuantiti dan harga yang kompetitif membolehkan anggotanya menerima keuntungan yang lebih berbanding mereka yang tidak menyertai koperasi. Oleh itu, ia akan mengurangkan masalah yang dihadapi oleh anggota koperasi bagi menerima sesuatu bekalan atau bantuan kerana menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada anggota koperasi (ICA, 2024).

Kesejahteraan Nelayan

Nelayan sering mengalami pelbagai masalah dalam kehidupan jadi koperasi ini berfungsi dalam memastikan ia dapat menyesuaikan peranannya dengan keperluan masyarakat terhadap koperasi yang dibuka (Arifandy et al., 2020). Nelayan merupakan suatu kelompok masyarakat yang berada di ruang lingkup masyarakat miskin menengah ke bawah dan sering kali menjadi korban pertama yang paling menderita apabila adanya penyakit disebabkan

kemiskinan dan tidak mampu untuk mengeluarkan duit untuk menyelesaikan masalah tersebut. Ini membuktikan bahawa koperasi ini mempunyai peranan yang sangat penting kerana mampu untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat khususnya anggota koperasi nelayan itu sendiri. Akhirnya ia akan menunjukkan peranan koperasi yang dapat membantu dalam meningkatkan lagi ekonomi masyarakat serta meningkatkan lagi kesedaran masyarakat tentang pentingnya koperasi untuk memberi pinjaman, barangan seperti alat tangkap ikan dan alat *thermo king*. Ini menunjukkan koperasi itu memberi manfaat kepada masyarakat yang menyertainya daripada segi pekerjaan dan sebagainya.

Kajian oleh Suardi et al. (2022) berkaitan tingkat pengetahuan dan wawasan nelayan mengenai pembangunan koperasi yang memberi manfaat kepada kehidupan mereka. Pembangunan koperasi membantu keadaan masyarakat Boneoge, Indonesia yang majoritinya ialah nelayan untuk meningkatkan pendapatan dan juga ekonomi keluarga. Sebelum adanya koperasi nelayan di Boneoge, mereka tidak mempunyai sebarang wadah lain untuk memperoleh bantuan bagi memastikan mereka dapat meneruskan pekerjaan yang dilakukan. Kewujudan Undang-undang Cipta Kerja No 11. tahun 2020 yang terkait koperasi membuatkan masyarakat di Desa Boneoge lebih memahami tentang manfaat penubuhan koperasi.

Kajian oleh Rahman et al. (2022), memfokuskan kepada komuniti pesisir pantai yang sering dikaitkan dengan masalah ekonomi dan terpinggir daripada kemudahan asas contohnya bekalan air bersih. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti tahap perubahan sosioekonomi dan kualiti hidup masyarakat di pesisir pantai daripada aspek kelestarian dan kesejahteraan hidup. Rata-rata penduduk yang bekerja sebagai nelayan masih tidak mampu untuk keluar daripada aspek kemiskinan, aset yang rendah dan hidup dalam serba kekurangan. Walaupun negara sudah dikategorikan sebagai negara yang membangun ia tidak menjadi cerminan kepada negara kita kerana dengan taraf hidup yang masih rendah dan status sosioekonomi yang memberi kesan negatif kepada negatif masih lagi tinggi. Perubahan daripada segi teknologi, perhubungan dan pemikiran perlu dilakukan bagi memastikan masalah yang ditangani dapat memberikan hasil yang lebih berkesan.

Wilayah pesisir Indonesia mempunyai potensi yang besar untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat (Achmad, 2022). Kesejahteraan yang dimaksudkan adalah dalam proses untuk memperoleh perkara asas seperti kesihatan, pendidikan, keselamatan, pakaian dan

banyak lagi. Ketidakstabilan hasil tangkapan, kekurangan kemudahan dan prasarana adalah antara penyebab pendapatan yang rendah di kawasan tersebut. Mereka juga terjerat dengan kitaran hutang yang sangat rumit sehinggakan ia memberi kesan besar kepada pendapatan yang diperoleh. Ia perlu dibahagikan untuk keperluan harian, membiayai pendidikan dan membayar hutang. Oleh disebabkan itu, kehidupan masyarakat nelayan sentiasa dilanda kemiskinan serta dikenal pasti sebagai golongan yang kurang bernasib baik daripada segi prasarana dan sumber manusia di mana tahap kebajikan sektor perikanan masih di bawah sektor lain seperti perkilangan dan pertanian. Tambahan lagi, tahap penyertaan masyarakat dalam institusi sosial nelayan juga sangat tinggi. Ini membuatkan mereka hanya memfokuskan kepada satu sektor pekerjaan sahaja. Jadi kerajaan perlu memperkasakan lagi dalam dua jenis program iaitu bantuan daripada segi permotoran, alat tangkapan ikan, bantuan kapal besar dan pelbagai bantuan yang lain lagi bagi memastikan mereka tidak banyak memfokuskan kepada tangkapan ikan sahaja.

Kemudahan Pinjaman

Menurut Mohd Yusof et al. (2020) pelbagai langkah telah diambil oleh pihak kerajaan dalam mengembangkan lagi peranan dan keupayaan industri latihan keusahawanan bagi memperkasakan lagi sektor koperasi. Misalnya, menyediakan pelbagai bantuan kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sama ada kewangan, bimbingan dan sebagainya. Keperluan dalam memperoleh modal dan dana buat usahawan dalam amatlah penting demi kelangsungan perniagaannya serta kemajuan sektor IKS di luar bandar. Pelbagai kemudahan bantuan kewangan yang disediakan oleh institusi kerajaan dan swasta dalam usaha membantu para usahawan untuk berjaya dalam perniagaan. Ini menunjukkan bahawa kerajaan bukan hanya memberi bantuan daripada segi bimbingan dan keperluan malah daripada segi kewangan juga bagi memastikan penglibatan lebih ramai masyarakat dalam bidang keusahawanan. Bantuan kewangan ini akan disalurkan menerusi agensi-agensi yang berkepentingan dan bertanggungjawab untuk membantu para usahawan di Malaysia. Tambahan lagi, terdapat juga penawaran geran dan insentif penyelidikan buat usahawan dan pengusaha IKS untuk menjalankan aktiviti keusahawanan seperti Perbadanan Industri Kecil dan Sederhana (SMECorp), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan pelbagai lagi yang memberikan platform buat para pengusaha untuk mendapatkan bantuan kewangan dalam menjalankan perusahaan yang dijalankan.

Pemberian Dividen

Penyertaan masyarakat dalam koperasi bukanlah untuk aktiviti pinjam meminjam sahaja malahan ia untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka juga menerusi pengagihan dividen. Selain menerima manfaat kewangan iaitu dividen, anggota koperasi juga memperoleh elaun, honorarium dan khairat kematian dari koperasi. Dari segi manfaat bukan kewangan pula, ialah latihan dan pendidikan, kemudahan awam, pekerjaan, khidmat nasihat dan insurans berkelompok. Pemberian dividen dapat meningkatkan lagi tahap kepuasan anggota koperasi, sekali gus, meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi mereka. Ini dapat dibuktikan apabila pendeposit telah meningkat kepada 458 buah koperasi daripada 282 buah koperasi pada 2022 dengan peningkatan sebanyak 62% (Zainudin, 2024).

Peluang Pekerjaan

Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) yang telah dilancarkan pada Julai 2019 bermatlamat menggerakkan ekonomi negara. DKN merupakan dasar pertama yang komprehensif dalam menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan unggul menjelang 2030 menerusi penglibatan dalam koperasi. Dasar yang diperkenalkan ini bersifat holistik bertepatan dengan keperluan golongan belia atau generasi muda meningkatkan penglibatan dalam bidang keusahawanan. Integrasi keusahawanan dan koperasi dapat memenuhi keperluan, memacu inovasi, dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi. Walaupun keusahawanan tradisional memberi tumpuan kepada keuntungan individu, koperasi menekankan faedah kolektif dan pemilikan bersama (ICA, 2024). Selain itu, keusahawanan dan koperasi juga memainkan peranan penting dalam pembangunan komuniti dan ekonomi. Usahawan mencipta pekerjaan, berinovasi, dan merangsang pertumbuhan ekonomi. Begitu juga, koperasi meningkatkan ekonomi tempatan dengan memastikan manfaat ekonomi diagihkan di kalangan anggota dan dilaburkan semula ke dalam masyarakat, sekali gus memupuk pembangunan mampan (Birchall & Ketilson, 2009). Oleh itu, golongan belia ini dapat melihat kepentingan koperasi itu sendiri dalam membantu mereka untuk membangunkan.

Menurut Mohd Yusof et al. (2020) , Kerajaan Malaysia telah menggariskan garis panduan dalam menetapkan penglibatan golongan belia di dalam bidang keusahawanan. Sebagai bukti di dalam Rancangan Malaysia yang kesepuluh dan ke-sebelas, kerajaan telah menetapkan satu matlamat untuk menggalakkan generasi baru ini menceburi bidang keusahawanan seperti IKS, selain membangunkan organisasi sedia ada supaya terlibat dalam pasaran global. Sektor

IKS dianggap sebagai sektor yang memberi pelbagai manfaat kerana memberi sumbangan yang besar dalam melahirkan usahawan yang berjaya dalam negara dan meningkatkan pendapatan negara itu sendiri. Usahawan berjaya bukan sahaja mencipta pelbagai jenis sektor perniagaan yang baharu malah ia juga dapat meningkatkan peluang pekerjaan yang menjurus kepada teknologi baru dan inovasi.

KEPENTINGAN TADBIR URUS DALAM KOPERASI

Menurut Hashim dan Zaib (2020), penglibatan koperasi dalam sektor pemborongan dan peruncitan am khususnya dalam aktiviti pembekalan barangan keperluan pengguna seiring dengan hasrat mereka untuk membantu kos sara hidup masyarakat. Koperasi mementingkan tiga aspek pengurusan yang mana merangkumi pengurusan sumber manusia, logistik, sistem dan kewangan. Jadi ia memainkan peranan dalam mempengaruhi keberkesanan sesebuah koperasi itu sendiri. Secara tidak langsung kita dapat mengetahui kelebihan daya saing di dalam koperasi yang ada di setiap kawasan. Oleh itu kita dapat mengetahui kelancaran perjalanan sesebuah pusat pengedaran yang mana menjadi tonggak kepada pembangunan sesebuah koperasi itu untuk terus memberi manfaat dan membangun dengan lebih pesat.

Akauntabiliti

Abd Rahman dan Zakaria (2018) menerangkan bahawa koperasi Malaysia mempunyai pengurusan yang lebih cekap dan berkesan. Setiap hasil seperti penerimaan dividen, rebat, potongan langganan dan saham bonus terhasil disebabkan oleh keberkesanan pengurusan itu sendiri dalam menghasilkan sesuatu keuntungan atau faedah yang diterima secara bersama. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah melancarkan Era Koperasi Baharu. Ia merupakan satu inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan untuk menjadikan koperasi bergerak dengan lebih progresif, dinamik dan maju (Asma Sorfina Surkery & Salmy Edawati Yaacob, 2019). Selari dengan itu mereka berpendapat bahawa koperasi ialah penggerak kepada ekonomi kerakyatan yang berasaskan anggota. Potensi sesebuah koperasi akan meningkat apabila jumlah anggota koperasi tersebut juga meningkat. Antara fungsi pengurusan yang telah diambil sebagai satu cara untuk mengukur tahap kecekapan ialah perancangan, pengorganisasian, pengawalan, koordinasi, motivasi, budaya organisasi serta tanggungjawab sosial korporat. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa SKM ini sangat mementingkan kecekapan pengurusan dengan menyediakan perancangan yang rapi.

Penyalahgunaan Kuasa

Aspek tadbir urus dalam sektor koperasi memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan tanggungjawab, akauntabiliti dan keberkesanan koperasi konvensional dan syariah (Al Hakkam et al., 2022). Pihak SKM telah mengeluarkan Garis Panduan Tadbir Urus Syariah (GP28) bagi mengukuhkan lagi prinsip Syariah dalam tadbir urus koperasi. Ia merangkumi beberapa aspek seperti rukun, syarat serta kontrak produk pembiayaan yang ditetapkan oleh syarak. Selain itu, jika diperhatikan tadbir urus Syariah (GP28) mempunyai kelemahan dalam elemen tadbir urus daripada aspek ketiadaan fungsi audit syariah, fungsi penilaian Syariah, fungsi penyelidikan Syariah serta fungsi pengurusan risiko Syariah. Jika peranan keempat-empat anggota ini diserahkan kepada jawatankuasa Syariah, sepatutnya dijelaskan dalam garis panduan tersebut untuk mengelakkan timbulnya keraguan.

Penyelewengan Dana

Menurut Asma Sorfina Surkery dan Salmy Edawati Yaacob (2019), koperasi ialah sebuah organisasi yang menjaga kebajikan anggotanya dengan memberi segala bentuk bantuan kewangan, peralatan dan sebagainya. Jadi dengan pinjaman dan bantuan yang diberikan itu telah ditentukan dalam Garis Panduan 28 (GP28) bagi memastikan segala skim atau faedah yang diberikan oleh koperasi kepada anggotanya tidak bersifat riba dan menyalahi undang-undang. Mereka menjelaskan bahawa prinsip utama koperasi yang mana terbahagi kepada tujuh prinsip. Koperasi merupakan sebuah organisasi yang disertai oleh mereka yang bersifat sukarela dan tidak mempunyai unsur paksaan. Koperasi bersifat adil dan pengurusannya dilakukan oleh mereka yang mempunyai pendidikan dan berpengalaman bagi memastikan tiada salah guna kuasa. Tambahan lagi dengan adanya GP28, membantu dalam memastikan konsep koperasi patuh syariah dapat direalisasikan dan menarik lebih ramai anggota dan pihak institusi kewangan yang lain untuk mempelopori bidang patuh syariah.

Prestasi Koperasi

Koperasi nelayan menjadi faktor utama peningkatan ekonomi untuk kesejahteraan nelayan. Penulis telah mencadangkan proses perniagaan yang mempunyai corak yang lebih jelas bagi membolehkan koperasi itu mengukur tahap prestasi mereka masing-masing. Pemerkasaan koperasi ini sekali gus dapat menjadikan koperasi itu lebih berdaya kerana dapat menjalankan dan memajukan organisasi itu dengan memberi manfaat dan faedah kepada anggota koperasinya. Ia akan menjadi penunjuk kepada penarikan kepada lebih ramai anggota

koperasi untuk menyertainya. Di samping itu, ia dapat meningkatkan kesedaran mereka tentang kepentingan koperasi serta memberi kepercayaan kepada masyarakat, kerajaan dan pihak berkepentingan dalam koperasi tersebut. Jadi dalam penilaian prestasi tersebut terdapat empat aspek yang dititikberatkan iaitu aspek institusi, aspek kewangan, aspek perniagaan dan aspek kebaikan koperasi kepada masyarakat dan anggota koperasi itu sendiri bagi melihatkan prestasi koperasi itu secara lebih jelas (Akhmad Yunani et al., 2020).

Kajian oleh Shafawaty, Ram dan Azizi (2017), bertujuan untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi prestasi tadbir urus koperasi di Malaysia. Keberkesanan jawatankuasa audit dalaman merupakan antara faktor yang dikaji dalam kajian ini. Seperti yang kita tahu, prestasi koperasi yang baik akan menggalakkan orang awam untuk menyertai sektor koperasi. Oleh itu ia akan memberi pertambahan kepada jumlah anggota koperasi di sesebuah kawasan tersebut sekali gus meningkatkan taraf hidup dan merancakkan pertumbuhan ekonomi keluarga. Jawatankuasa audit dalaman memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan amalan tadbir urus korporat yang baik. Keberkesanan jawatankuasa audit dalaman ditambah sebagai faktor baru dalam model kajian disebabkan jawatankuasa audit dalaman berperanan dalam sistem tadbir urus koperasi meliputi sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko.

METODOLOGI

Daripada segi metodologi, kajian menggunakan dua kaedah kajian iaitu kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Kajian lapangan menghasilkan data primer atau data utama hasil daripada temu bual mendalam dan pemerhatian ketika pengumpulan data. Manakala, kajian kepustakaan melibatkan pembacaan artikel, jurnal, buku, tesis serta dokumen dan data statistik kerajaan.

Kaedah Kualitatif, Kawasan Kajian dan Ciri Sampel

Bagi menyempurnakan kajian, kaedah kualitatif digunakan untuk mendapatkan data yang tepat dan jelas menerusi teknik temu bual mendalam dan teknik pemerhatian terhadap informan. Terdapat tiga kaedah yang digunakan bagi mengikuti prosedur kajian kualitatif:

a. Temu bual mendalam. Temu bual mendalam memberi peluang kepada informan untuk bebas memberi pandangan dan menjawab soalan dengan kawalan pengkaji supaya tidak keluar daripada ruang lingkup kajian.

b. Kajian kes. Kajian kes membolehkan pengkaji menjelaskan dan menghuraikan serta meneroka sesuatu fenomena dalam konteks kehidupan sebenar anggota koperasi nelayan terutamanya apabila sesuatu sempadan dan norma sosial tidak jelas.

c. Kaedah pemerhatian. Kaedah pemerhatian melibatkan pengkaji sebagai aktor aktif dalam situasi yang sedang dikaji. Pengkaji akan melihat dan memerhati keadaan fizikal di mana tempat berlakunya aktiviti yang dikaji, persekitaran sosial yang melibatkan berlakunya interaksi sosial dan komunikasi non-verbal, aktiviti yang berlaku di persekitaran sama ada aktiviti dirancang mahupun tidak dirancang dan perkara lain yang kelihatan biasa atau remeh tetapi penting untuk difahami dalam situasi semasa.

Lokasi kajian melibatkan dua buah koperasi di Negeri Terengganu iaitu Koperasi Nelayan Mengabang Telipot Berhad dan Koperasi Nelayan Seberang Takir Berhad. Pertimbangan memilih lokasi tersebut kerana dua buah koperasi tersebut merupakan koperasi yang aktif daripada empat buah koperasi lain di Terengganu.

Sampel dipilih menerusi pensampelan bertujuan dengan berdasarkan kriteria yang menjadi syarat pemilihan sampel kajian. Antara ciri informan utama dalam sampel yang dipilih seperti berikut:

a. Informan merupakan anggota aktif koperasi;
b. Menyertai koperasi lebih daripada lima tahun; dan
c. Menghadiri mesyuarat agung tahunan koperasi lebih lima kali.

Untuk kajian ini, informan utama terdiri daripada 15 orang nelayan yang menjadi anggota koperasi iaitu lapan orang di Koperasi Nelayan Seberang Takir Berhad dan tujuh orang di Koperasi Nelayan Mengabang Telipot Berhad. 15 orang dipilih berdasarkan justifikasi berikut. Pertama, mereka dipilih oleh Koperasi Nelayan Negeri Terengganu Berhad iaitu anggota yang aktif. Kedua, kajian telah mencapai titik tepu. Menurut Mwita (2022) antara faktor yang mempengaruhi ketepuan data iaitu, saiz sampel, kerelevanan subjek kajian (responden) dan tempoh sesi pengumpulan data.

Analisis Tematik

Analisis kajian yang digunakan adalah analisis tematik untuk menguruskan data yang diperoleh. Data yang diperoleh diuruskan dengan pelbagai cara, namun tidak ada kaedah yang paling tepat atau betul dalam menganalisis sesuatu sumber. Analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema, konsep dan juga makna. Analisis ini amat fleksibel, mudah dan sesuai bagi penyelidik yang tidak mempunyai pengalaman dalam penyelidikan kualitatif, dan hasil analisis tersebut dapat memberi maklumat kepada masyarakat, ini yang dinyatakan oleh Braun dan Clarke (2006). Proses pertama yang dilakukan oleh penyelidik selepas menjalankan temu bual ialah mencatat kembali perbualan yang dilakukan dalam temu bual yang dijalankan. Kemudian transkrip temu bual dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis ini untuk mengetahui mengenai penglibatan nelayan dalam koperasi nelayan.



Rajah 1: Struktur jaringan tema

Sumber: Kajian lapangan 2024

Pengelasan Tema

Sebelum data dibahagikan kepada tema-tema tertentu, data melalui beberapa proses pengelasan iaitu pengekodan, pengkategorian dan akhir sekali baru dibahagi mengikut tema untuk ditafsirkan (cara-cara pengekodan, pengkategorian dan pembahagian tema seperti yang ditunjukkan oleh jadual pengekodan).

Kod dalam kajian kualitatif ialah perkataan atau frasa pendek secara simbolik yang bersifat penting dan mempunyai inti sari untuk sebahagian data berasaskan bahasa atau visual (Saldana, 2013). Pembentukan kod merupakan proses integrasi kerana kod boleh dikumpulkan daripada konsep teori dan data lapangan kajian (Costa et al., 2016). Data yang digunakan untuk proses pengekodan dalam kajian bukan hanya transkrip daripada temu bual sahaja tetapi data juga terdiri daripada catatan pemerhatian, jurnal, dokumen, gambar dan buku berkaitan. Proses pengekodan untuk kitaran pertama boleh jadi satu perenggan penuh sebuah naratif. Seterusnya, bagi kitaran kedua bahagian kod boleh menjadi naratif yang sama dan boleh juga menjadi pengulangan semula kod itu sendiri. Kemudian, selepas proses pengekodan, proses pengkategorian kod pula. Kategori bermaksud mengatur perkara-perkara yang telah disusun secara sistematik untuk mengelaskan dalam bentuk yang bersistem. Tujuannya adalah untuk mengumpul semula untuk menyatukan makna dan penjelasan. Selepas proses pengekodan dan pengkategorian, proses menentukan tema untuk menjawab objektif kajian dilakukan. Tema merupakan proses mengelaskan setiap data kajian yang telah dikodkan dan dikategorikan berdasarkan konsep atau tema yang lebih spesifik. Tema dalam satu kategori boleh jadi lebih daripada satu untuk menunjukkan dapatan yang lebih spesifik dan mencapai maksud kajian yang dilakukan.

Sumber	Kod	Pengkategorian	Tema Akhir	Interpretasi
a. koperasi ni dia ada *bantuan sekolah* jugok dekat anok yang sekolah.	Bantuan persekolahan	Meringankan beban	Kesejahteraan nelayan	Penemuan kajian menunjukkan informan bersetuju dengan manfaat dan tadbir urus koperasi yang mana ia sememangnya memberi kesan kepada anggota koperasi nelayan di Koperasi Nelayan Seberang Takir Berhad dan Koperasi Mengabang Telipot Berhad.
b. dividen koperasi bagi banyak gok boleh lah *tambah duit simpanan* yang ade.	Tambah duit simpanan	Meningkatkan pendapatan	Pemberian dividen	
c. pinjaman ni ada ja dia bagi, proses dia *dok susah mane*, kita isi borang je nak berapa dan untuk ape.	Proses tidak rumit	Diberi pinjaman	Bantuan pinjaman	
d. mereka *buka peluang* dekat anok anggota yang sambung belajar tinggi.	Buka peluang pekerjaan	Keutamaan untuk anak anggota koperasi	Peluang pekerjaan	
e. pengurusan koperasi ni *dok nampok masalah lagi,* takda isu dalam pengurusan ni.	Tiada masalah	Telus	Akauntabiliti	
f. takdok lagi dengar isu pasal salah guna kuasa, *semua buat kerja dengan baik je semua boleh dipercayai*..	Pengurusan boleh dipercayai	Tiada penyalahgunaan kuasa	Penyalahgunaan kuasa	
g. tiap tahun *ada laporan dia bagi*, jadi kite tahu ke mana duit dan berapa banyok untung kite dapat tiap tahun	Laporan diberikan tahunan	Boleh dipercayai	Penyelewengan dana	
h. *ramai nok masuk* dalam koperasi tapi penyertaan dia terhad untuk beberapa orang ja setiap tahun.	Ramai ingin menyertai	Peningkatan kepercayaan	Prestasi koperasi	

Jadual 1: Jadual Pengekodan

MANFAAT KOPERASI KEPADA KESEJAHTERAAN NELAYAN DI KOPERASI MENGABANG TELIPOT DAN KOPERASI SEBERANG TAKIR

Manfaat koperasi kepada nelayan ini dibincangkan dalam empat bahagian yang mana dapat mengetahui dengan lebih mendalam tentang manfaat koperasi kepada nelayan di kawasan tersebut. Antara indikator yang akan dibincangkan dalam kajian ini ialah kesejahteraan nelayan, kemudahan pinjaman, pemberian dividen dan peluang pekerjaan. Setiap aspek ini dibincangkan dengan lebih mendalam dengan set soalan yang telah disediakan bagi memahaminya dengan lebih baik.

Kesejahteraan Nelayan

Salah satu daripada enam teras strategik Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020) adalah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Kerajaan sentiasa melaksanakan pendekatan pembangunan yang seimbang dengan memberikan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat daripada segi taraf dan kualiti hidup yang memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal dan psikologi setiap orang. Untuk meningkatkan produktiviti dan mobiliti sosial, serta untuk mengukuhkan perpaduan nasional dan kesepaduan sosial, kesejahteraan merupakan aspek yang paling utama.

Hasil daripada kajian mengenai kesejahteraan nelayan ini, kita dapat mengetahui bahawa nelayan berasa sangat gembira dengan penyertaan dalam koperasi ini kerana koperasi itu sendiri memberi pelbagai manfaat kepada anggotanya daripada segi bantuan kewangan, kemahiran dan pengetahuan mengenai sesuatu perkara. Pengurusan koperasi yang menjaga kebajikan anggotanya dengan baik juga merupakan antara perkara yang dapat meningkatkan lagi kesejahteraan anggota koperasi.

"...koperasi ni kalau kita ada masalah koperasi ni banyak membantu, yang mana dia boleh bantu dia bantu cuma atas kito jah nok bagitahu ke koperasi ke tidak, dok bagitahu dok dapat mende lah.."

Sumber temu bual: Pokcik Ib

Bantuan yang dimaksudkan ini bukan sahaja melibatkan anggota koperasi itu sahaja malah keluarga. Yang mana koperasi nelayan ini memberi RM30 setahun kepada anak-anak anggota koperasi yang masih di bangku sekolah. Jadi ia sedikit sebanyak menunjukkan keprihatinan koperasi dalam meringankan beban anggotanya.

"..dok banyak mana pun duit dia bagi tapi boleh lah daripada tak dok, cumanya tu lah kalau sakit masuk hospital tu dapatlah duit sikit bantuan dari koperasi.."

Sumber temu bual: Pokcik Cop

Walaupun jumlah yang diberikan hanya sedikit, ia merupakan salah satu faedah yang diterima oleh anggota itu sendiri. Yang mana faedah tersebut yang menarik perhatian ramai orang untuk menyertai koperasi nelayan.

Kemudahan Pinjaman

Pinjaman merupakan antara faedah yang diberikan oleh koperasi kepada anggota koperasi. Keperluan dalam memperoleh modal dan dana buat usahawan dalam amatlah penting demi kelangsungan perniagaannya serta kemajuan sektor IKS di luar bandar. Seperti yang diberikan oleh KUSKOP yang mana memfokuskan kepada golongan nelayan ini untuk menjana pendapatan yang lebih. Pinjaman yang diberikan sebanyak RM30,000 memberi peluang kepada mereka untuk membuka perniagaan atau menjadikan sebagai bantuan kepada pembaharuan mesin bot, pukat dan sebagainya. Namun begitu, kebanyakan anggota koperasi tidak membuat pinjaman disebabkan oleh faktor keperluan yang rendah.

"..pinjaman ni boleh buat, tapi masalah tu kecik jah kita boleh selesai guna duit sendiri..mana hok dok mampu tu biasanya minta dapat jah dia bagi"

Sumber temu bual: Pokcik Shabi

"...pinjaman ni dia bagi jah, atas kita nak ke dok, selalunya guna hasil keuntungan tu jah nok wak baiki apa yang penting dok minta ke koperasi sangat..."

Sumber temu bual: Pokcik Mad

"..anggota-anggota boleh jah buat pinjaman sebab tiap tahun ada peruntukan satu juta untuk buat pinjaman macam geran tu kan.."

Sumber temu bual :Pokcik Yus

Berdasarkan temu bual, rata-rata anggota koperasi mengatakan bahawa tidak pernah melakukan pinjaman terhadap koperasi. Ini kerana mereka berpendapat bahawa pinjaman dilakukan hanya apabila masalah itu memerlukan perbelanjaan yang besar. Masalah seperti bot rosak, pukat rosak dan sebagainya itu hanyalah masalah kecil yang mereka mampu untuk menggunakan wang simpanan mereka sendiri untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Pemberian Dividen

Keupayaan sesebuah koperasi itu untuk membayar dividen yang lebih bukanlah penentu kepada kejayaan sesebuah koperasi. Namun ia melihat kepada kemampuan sesebuah koperasi itu untuk memberi manfaat kepada anggota nelayan contohnya daripada segi kesejahteraan, sosial dan ekonomi anggota koperasi itu sendiri. Walaupun dividen yang diberikan setiap tahun itu mempunyai jumlah yang berbeza namun ia masih memberi kesan kepada kehidupan mereka (Dimensi Koop, 2018).

"..dividen setiap tahun ada naik turun dia, bila untung banyak tinggilah dividen kito dapat dia berubah-ubah ikut rezeki gok, macam sepuluh tahun kebelakangan ni dapat belas jah.."

Sumber temu bual:Pokcik Mad

"..keuntungan ni ikut gok koperasi tu, bukey semua koperasi samo macam mengabang telipot 18% jah dividen dio bagi, dio ada masa tinggi ada masa rendah, kalau tinggi tu alhamdulillah lah.."

Sumber temu bual: Pokcik Bak

Koperasi akan menjual hasil tangkapan mengikut harga pasaran. Keuntungan hasil tangkapan 70 peratus akan dinikmati nelayan setiap tahun dalam bentuk bonus, manakala selebihnya diambil koperasi untuk memberi dividen kepada anggotanya (Berita Harian, 2024). Menurut informan di Koperasi Mengabang Telipot menerima dividen pada tahun 2023 sebanyak 18% manakala Koperasi Seberang Takir menerima dividen 25% pada tahun 2023. Jadi ini menunjukkan bahawa setiap koperasi akan menerima dividen yang berbeza berdasarkan nilai keuntungan yang diperoleh hasil daripada jualan yang dibuat untuk tahun tersebut. Oleh itu, informan berasa berpuas hati dengan kadar dividen yang diperoleh dari koperasi kerana ia menunjukkan perubahan dalam kehidupan mereka dan pengurusan koperasi itu sendiri semakin bertambah baik.

Peluang Pekerjaan

Angkasa menerusi kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan penyertaan mahasiswa untuk menceburi bidang keusahawanan (Nasional, 2024). Inisiatif yang dilaksanakan ini meningkatkan lagi keboleh pasaran graduan kerana mereka mempunyai pengalaman dalam sektor koperasi. Program usahawan koperasi antara perkara yang dipelopori oleh golongan muda masa kini, jadi ia merupakan salah satu faktor meningkatkan lagi produktiviti sesebuah koperasi. Berdasarkan temu bual yang dilakukan, informan

menyatakan bahawa terdapat jawatan yang ditawarkan kepada anak anggota koperasi yang menyambung pengajian tinggi.

"..adalah ditawarkan cuma ikut diorelah nak kedok kejo situ sebab dok masuk dengan apa yang dio belajar.."

Sumber temu bual: Pokcik Yus

"..dia beri keutamaan dekat anak ahli kalau ada kosong, cumanya atas anak ahli tu jugok ke dok kalau tak mau dia buke ke orang laing hok nok keje.."

Sumber temu bual: Pokcik Nep

Anak anggota koperasi nelayan yang menyambung pendidikan tinggi diberi keistimewaan apabila terdapat kekosongan di koperasi. Mereka diberikan peluang untuk mengisi kekosongan tersebut sebelum dibuka kepada orang luar yang tidak menyertai koperasi. Ini kerana SKM lebih mementingkan kebajikan anggota koperasi.

TADBIR URUS YANG BAIK DALAM KOPERASI MENINGKATKAN ANGGOTA KOPERASI

Tadbir urus yang baik merupakan teras utama dalam pengurusan yang berkesan. Ia membolehkan sesebuah negara itu untuk melakukan tindakan yang berkesan dan cekap. Tadbir urus yang baik ini meliputi pelbagai aspek dalam pengurusan iaitu kecekapan, ketelusan, integriti dan sebagainya. Sekiranya sesuatu agensi yang menguruskan mempunyai aspek ini ia menunjukkan bahawa agensi itu mempunyai tadbir urus yang baik. Oleh itu, untuk mendalami kajian ini terdapat beberapa indikator yang dibincangkan bagi memastikan bahawa koperasi nelayan ini mempunyai tadbir urus yang baik. Antara indikator yang dibincangkan adalah akauntabiliti, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dana dan prestasi koperasi. Setiap indikator ini dibincangkan dengan lebih mendalam bersama informan yang telah menyertai koperasi lebih daripada 10 tahun.

Akauntabiliti

Akauntabiliti adalah satu obligasi di mana seseorang itu boleh dipertanggungkan untuk tindakan atau keputusan yang telah dibuat oleh nya ke atas perkara yang telah ditetapkan ke atasnya. Akauntabiliti ini juga merupakan salah satu aspek yang sering dititikberatkan dalam pengurusan. Ini bagi memastikan ketua atau pemimpin organisasi tersebut dapat menjalankan tanggungjawab dengan sebaiknya. Pengurusan yang baik akan membantu dalam

menghasilkan satu kerja yang dapat meyakinkan anggota dalam organisasi tersebut. Sebagai contoh dalam koperasi nelayan, yang mana pengerusi dalam koperasi nelayan itu akan dipilih berdasarkan kelayakan untuk mentadbir organisasi tersebut.

"..setakat ni tak dak lagi masalah, tak pernah dengar pon, kalau ada masalah mesti ahli bunyi doh waktu perjumpaan tahunan sebabnya waktu tu jah dok kumpul ramai-ramai.."

Sumber temu bual: Pokcik Zah

Ini menunjukkan bahawa setiap pemilihan yang dibuat untuk anggota lembaga tertinggi akan melibatkan semua pihak untuk memilih. Kajian menunjukkan bahawa semua informan berpuas hati dengan tadbir urus yang dikendalikan oleh pengerusi koperasi ketika ini. Disebabkan kesepakatan dalam membuat undian memberikan hasil yang baik di mana pemimpin melakukan tugasan dengan baik.

Penyalahgunaan Kuasa

Penyalahgunaan kuasa atau salah guna kuasa merupakan suatu jenayah dalam bentuk salah laku yang berlaku di pejabat atau salah laku pegawai di tempat kerja. Perbuatan ini dikira sebagai perbuatan yang menyalahi undang-undang disebabkan oleh mempengaruhi sebarang keputusan yang telah diberi atau dibuat. Salah guna kuasa berlaku apa bila seseorang individu menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan. Oleh itu, perkara ini perlu dibendung bagi memastikan pengurusan organisasi berjalan dengan lancar. Masalah ini tidak lari dengan pengurusan koperasi nelayan sendiri. Namun begitu, berdasarkan temu bual yang dijalankan bersama informan menyatakan bahawa tiada lagi permasalahan tersebut di kawasan tersebut.

"..setiap tahun akan ada mesyuarat tahunan, kami pilih ahli lembaga waktu tu…kalau tak okay undi lagi yang lain tahun depan"

Sumber temu bual:Pokcik San

"..buat masa sekarang takdok lagi masalohnyo, semua buat kerja baik jah"

Sumber temu bual: Pokcik Ali

Kesalahan penggunaan kuasa ini merupakan aspek yang dipandang serius kerana seseorang itu cenderung menggunakan kuasanya untuk kepentingan peribadi sebagai contoh untuk menggunakan dana, memohon bantuan atau sebagainya. Namun berdasarkan informan menyatakan bahawa anggota jawatankuasa tertinggi telus menjalankan tugas mereka.

Penyelewengan Dana

Dana merupakan bentuk wang yang disampaikan melalui pelbagai cara contohnya, pinjaman daripada syarikat besar atau keuntungan yang diperoleh daripada sesuatu perkara yang dilakukan. Dana ini digunakan bagi menyelesaikan sesuatu perkara atau memberi bantuan kepada orang yang memerlukan. Sebagai contoh dalam tadbir urus koperasi itu sendiri, dana ini digunakan untuk memberi bantuan kepada anggota yang memerlukan atau membuat pinjaman bagi meringankan beban mereka. Namun ia akan menimbulkan isu apabila dana yang diterima ini tidak diuruskan dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab. Ini dikaitkan dengan koperasi nelayan itu sendiri kerana tadbir urus koperasi ini juga melibatkan jumlah dana atau kewangan yang besar.

"..takdok lagi buat dengar masalah gitu masa lo ni, nak menyeleweng guane diorang betang belake, tapi masa depan dok tahu lagi.."

Sumber temu bual: Pokcik Shu

Isu mengenai penyelewengan merupakan perkara yang perlu dipandang serius, namun begitu bagi koperasi nelayan di kedua-dua buah kawasan ini masih bebas daripada sebarang masalah yang berkaitan. Ini kerana pemilihan anggota jawatankuasa yang dibuat secara telus ini mengurangkan masalah seperti ini berlaku. Jawatankuasa koperasi tersebut merupakan anggota-anggota aktif yang mempunyai latar belakang yang tinggi meningkatkan lagi kepercayaan anggota untuk terus berada di dalam koperasi tersebut. Setiap perbelanjaan atau dana yang diperoleh tahunan akan dibentangkan oleh pengerusi koperasi itu sendiri setiap tahun. Jadi anggota koperasi dapat mengetahui dengan jelas setiap perbelanjaan atau peruntukan yang diberikan oleh kerajaan.

Prestasi Koperasi

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) ialah entiti yang ditubuhkan pada 1 Januari 2008. Namun koperasi sebenarnya telah ditubuhkan pada 28 Jun 1922 yang dikenali sebagai Gerakan Koperasi. Gerakan koperasi ini banyak memberi kesan kepada kehidupan manusia terutamanya pada masyarakat zaman dahulu dengan manfaat yang diberikan kepada masyarakat. Prestasi koperasi juga kian meningkat dari zaman dahulu sehingga sekarang. Perubahan teknologi dan pembangunan banyak mengubah daripada segi perkhidmatan dan juga penyampaian. Perkembangan yang dilalui banyak mengubah corak penyampaian sesebuah koperasi itu sendiri dalam menyampaikan maklumat kepada anggota koperasi.

"..pokcik rasa banyak yang dah berubah mengenai koperasi contohnya macam maklumat pasal koperasi ni mudoh lah tapi bangunan dia jah nampak usang tak banyak ubah.."

Sumber temu bual: Pokcik Aza

Menurut informan juga, prestasi koperasi sememangnya menunjukkan perubahan yang besar. Peningkatan kadar dividen dan juga manfaat yang diterima antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan prestasi koperasi. Koperasi nelayan ini juga merupakan salah sebuah organisasi yang sering menjadi tumpuan ramai masyarakat untuk menyertainya kerana mempunyai banyak kebaikan dan bantuan yang diberikan selain dari tadbir urus yang baik. Tadbir urus yang baik masih kekal sehingga sekarang menyebabkan kepercayaan anggota koperasi meningkat dan menyebabkan koperasi nelayan itu kekal aktif sehingga sekarang.

KESIMPULAN

Kajian ini memfokuskan kepada negeri Terengganu kerana mempunyai populasi nelayan yang tinggi di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Terdapat empat buah koperasi nelayan di negeri Terengganu namun kajian ini hanya memfokuskan kepada Koperasi Nelayan Mengabang Telipot Berhad dan Koperasi Nelayan Seberang Takir Berhad. Kedua-dua buah koperasi ini melibatkan 15 orang informan yang merupakan nelayan sepenuh masa. Terdapat dua titik utama kajian ini seperti berikut.

Pertama ialah empat manfaat koperasi kepada nelayan di Koperasi Nelayan Mengabang Telipot Berhad dan Koperasi Nelayan Seberang Takir Berhad. Manfaat koperasi yang meningkatkan lagi penerimaan dan keyakinan masyarakat terhadap koperasi nelayan seperti berikut:

i. Keberkesanan dalam meningkatkan kesejahteraan hidup iaitu dengan menyediakan pelbagai manfaat seperti bantuan khairat kematian, bantuan bencana alam, bantuan persekolahan dan menyambung pengajian.
ii. Koperasi menyediakan bantuan kepada nelayan yang ingin menyelesaikan sesuatu masalah contohnya daripada segi bot nelayan, pukat rosak dan sebagainya.
iii. Pelaburan yang dibuat menghasilkan keuntungan menerusi pulangan dividen setiap tahun mengikut kepada keuntungan yang diperoleh di antara 15 hingga 25 peratus.
iv. Koperasi menyediakan peluang pekerjaan kepada ahli keluarga seperti anak nelayan yang merupakan lepasan graduan untuk diberi peluang bekerja dalam tadbir urus koperasi.

Kedua, rentetan daripada manfaat tersebut, tadbir urus yang baik juga membantu dalam peningkatan pendapatan anggota koperasi nelayan tersebut. Ini kerana tahap keyakinan anggota koperasi yang meningkat dengan sistem tadbir urus yang telus dan cekap. Ia memastikan pimpinan yang tidak menyalahi undang-undang dan jauh daripada masalah salah laku seperti penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dana dan sebagainya. Pemilihan anggota jawatan kuasa yang menggabungkan suara dan pandangan daripada anggota ini meningkatkan lagi tahap kepuasan anggota koperasi nelayan kerana mereka dapat memilih pemimpin yang tepat dan dipercayai untuk menguruskan sesebuah koperasi dengan baik. Oleh itu, usaha memperkasa koperasi nelayan adalah selaras dengan Dasar Koperasi Malaysia 2030 dalam meningkatkan prestasi ekonomi dan kesejahteraan sosial anggotanya dalam pembangunan komuniti yang lebih mampan dan inklusif bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat. Sejajar dengan usaha ini, penglibatan komuniti nelayan dalam koperasi sekurang-kurangnya memberi manfaat jangka panjang kepada kehidupan nelayan walaupun telah berhenti menjadi nelayan. Justeru, penelitian terkait dengan pemerkasaan koperasi komuniti nelayan dilihat penting sebagai jaminan sosial nelayan selain menyertai Persatuan Nelayan ketika masih bekerja sebagai nelayan.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada kajian Pemodelan Kerangka Pembangunan Koperasi Nelayan Pesisir Pantai Menerusi Pendekatan Elektrik tajaan oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah dana *Fundamental Research Grant Scheme* (UMT/ FRGS/ 59758)

RUJUKAN

Abd Rahman, N., & Zakaria, Z. (2018). Kecekapan pengurusan koperasi di Malaysia [The efficiency of co-operative management in Malaysia]. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, *3*(2), 134. https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss2pp134-146.

Achmad, W. (2022). Dimensi sosial dalam pengembangan masyarakat di wilayah pesisir. *Jurnal Kewarganegaraan*, *6*(2), 4895 - 4990.

Akhmad Yunani., Ery Supriyadi Rustidja, Trida Gunadi., & Deddy Supriyadi. (2020). Pemetaan proses bisnis untuk memudahkan penilaian kinerja koperasi: Studi kasus pada koperasi nelayan. *Jurnal INTEKNA*, *20*(1), 1–52.

Allison, E. H., & Ellis, F. (2001). "The livelihoods approach and management of small- scale fisheries." *Marine Policy*, *25*(5), 377-388.

Antonius Prisma., & Vicka, J. (2023). Analisa korelasi motivasi koperasi, manfaat koperasi dan kualitas pelayanan terhadap partisipasi anggota. *Jurnal Informatika Ekonomi Bisnis*, *5*(1), 182–186. https://doi.org/10.37034/infeb.v5i1.219.

Al Hakkam, F., Noor, M., & Ilyana, N. (2022). Kritikan terhadap garis panduan tadbir urus syariah (GP28) dalam koperasi di Malaysia. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, *1*(2022), 1–15.

Arifandy, F. P., Norsain, N., & Firmansyah, I. D. (2020). Peran koperasi dalam meningkatkan perekonomian masyarakat nelayan: Perspektif modal kerja. *Jurnal Akademi Akuntansi*, *3*(1), 118. https://doi.org/10.22219/jaa.v3i1.11665

Asma Sorfina Surkery., & Salmy Edawati Yaacob. (2019). Shariah cooperative concept: A literature review: Konsep koperasi patuh syariah: Satu tinjauan literatur. *Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, *15*(1), 1–11.

Berita Harian. (2019, April). *Pengerusi koperasi, ahli lembaga pengarah direman kes tuntutan palsu RM90,000*. BHonline. https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/04/553657/pengerusi-koperasi-ahli-lembaga-pengarah-direman-kes-tuntutan-palsu.

Bernama. (2023, May 23). *SKM bangunkan Pelan Anti Rasuah, banteras penyelewengan dalam Koperasi*. Astroawani.com. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/skm-bangunkan-pelan-antirasuah-banteras-penyelewengan-dalam-organisasi-420828.

Béné, C. (2003). When fishery rhymes with poverty: A first step beyond the old paradigm on poverty in small-scale fisheries. *World Development*, *31*(6), 949–975. https://doi.org/10.1016/s0305-750x(03)00045-7

Birchall, J., & Ketilson, L. H. (2009). Resilience of the cooperative business model in times of crisis. *Sustainable Enterprise Academy*. Retrieved from https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/emp_ent/documents/publication/wcms_108416.pdf.

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, *3*(2), 77–101. https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa

Costa, C., Breda, Z., Pinho, I., Bakas, F., & Durão, M. (2016). Performing a thematic Analysis: An exploratory study about managers' perceptions on gender equality. *The Qualitative Report*, *21*(13). https://doi.org/10.46743/2160-3715/2016.2609.

Hashim, H., & Zaib, M. (2020). Ciri-ciri Utama yang Mempengaruhi Amalan Pusat *Pengedaran Koperasi di Malaysia* (54–56). https://mjcs-ikma.com/wp-content/uploads/journal//published_paper/volume-16/issue- 1/00mjY3Ty.pdf.

ICA. (2024). *Cooperative identity, values & principles | ICA*. Www.ica.coop. https://ica.coop/en/cooperatives/cooperative-identity.

K. M. Mwita. (2022). Factors Influencing Data Saturation in Qualitative Studies. *International Journal of Research in Business & Social Science 11*(4), 414-420

Kamus Dewan (Edisi-4). (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Koperasi Perumahan Lepasan Institusi Pengajian Tinggi Berhad. (2023). Kepentingan Koperasi dan Manfaatnya yang Perlu Anda Tahu. https://www.koplit.com.my/kepentingan-koperasi-dan-manfaatnya/

Mohd Yusof, M. Z., Tahir, Z., Abdul Malek, J., & Salman, A. (2020). Cabaran usahawan muda dalam perniagaan industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *5*(12), 355–366. https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.614.

Nasional. (2024). *Aspirasi Koperasi Malaysia wujudkan kerjasama antara SKM, IKMA dan Angkasa*. Portal Berita. https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/aspirasi- koperasi-malaysia-wujudkan-kerjasama-antara-skm-ikma-dan-angkasa.

Nabalu News. (2023, October). *Pembudayaan koperasi dalam masyarakat tingkat kesedaran keusahawanan komuniti: Ewon*. Www.nabalunews.com. https://www.nabalunews.com/post/pembudayaan-koperasi-dalam-masyarakat-tingkat-kesedaran-keusahawanan-komuniti-ewon.

Nasir, Aslinda. (2023, Mac). 172 Koperasi Terlibat Agro Makanan. *Utusan Malaysia.* https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/172-koperasi-terlibat-agro-makanan/.

News, T. (2024, November 6). *Masalah Tadbir Urus Punca Koperasi Gagal*. TRDI News. https://www.trdi.my/masalah-tadbir-urus-punca-koperasi-gagal.

Noor, Z. M. (2023, September 21). *30 peratus koperasi di Terengganu tidak aktif*. Utusan Malaysia. https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/30-peratus-koperasi-di terengganu-tidak-aktif/.

Perikanan Malaysia, J. (2023). *Senario Industri Perikanan*. Portal Rasmi Jabatan Perikanan Malaysia. https://www.dof.gov.my/korporat/pengenalan/senario-industri-perikanan/.

Rahman, A., Othman, N., Hafzan, N., Aziz, N., & Hayati, N. (2022). A sustainable development and coastal community wellbeing: Case study in Senok, Kelantan 1&2. *Journal of Business and Social Development*, *10*(1), 25–40. https://doi.org/10.46754/jbsd.2022.03.003.

Saldaña, J. (2013). *The Coding Manual for Qualitative Researchers*. Sage. https://emotrab.ufba.br/wp-content/uploads/2020/09/Saldana-2013-TheCodingManual forQualitativeResearchers.pdf.

Shafawaty, Ram., & Azizi. (2017). Model kajian prestasi tadbir urus koperasi di Malaysia. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)*, *1*(3), 131–144.

SME Corp Malaysia. (2022). Program Usahawan dan Koperasi Keluarga Malaysia. https:// www.smecorp.gov.my/index.php/my/news/4636 - program-usahawan-dan-koperasi-keluarga-malaysia-komited-perkasa-golongan-ushawan-sasaran

Suandi, M. (2020). ABC dalam Kepimpinan Koperasi. *Dimensi Koop*, *65*(2), 66–71.

Suardi, Farid, E., Auriza, Moh. Zeylo., Adam, R., Rombe, E., Mahardiana, L., & Sastria. (2022). Peranan koperasi dalam peningkatan kesejahteraan nelayan tangkap Desa Boneoge Kabupaten Donggala. *Jurnal Pengabdian Pada Masyarakat* , *10*(2), 27–30.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia .(2022). *Indeks kesejahteraan anggota koperasi.* https://www.skm.gov.my/images/igkm/SKM.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2020) - *Latar Belakang*. skm.gov.my. https://www.skm.gov.my/index.php/my/mengenai-skm/latar-belakang

Talib, Z. (2020). *Akauntabiliti dalam pengurusan*. https://pendaftar.upm.ed.u.my/upload/dokumen/20210506012720Kursus_Akauntabilit i_Dalam_Pengurusan.Pdf.

Utusan Malaysia. (2023, September 21). 30 peratus koperasi di Terengganu tidak aktif.https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/30-peratus-koperasi-di-terengganu-tidak-aktif/.

Zainudin, Z. (2024, May). *Co-opbank Pertama umum dividen 3.6 peratus ADK-KWRS*. BHonline. https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/05/1252693/co-opbank-pertama-umum-dividen-36-peratus-adk-kwrs